

Penyelidikan

*Pemikiran Tuan Guru Haji Sulong al-Fatoni Terhadap Tradisi Maulid Nabi (SAW): Kajian Terhadap Kitab Cahaya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam*

*Ismaie Katih, Ph.D.\*, Numan Hayimasae, Ph.D.\*\**

*\*Penolong Professor Pengajian Islam, Fakulti Sains Islam, Prince of Songkhla University, Kampus Pattani.*

*\*\*Penolong Professor Pengajian Melayu, Fakulti Pengajian Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Prince of Songkhla University, Kampus Pattani.*

Abstrak

Maulid Nabi adalah sebuah perayaan yang dilakukan dalam rangka memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad (SAW) sebagai salah satu bentuk rasa cinta umat Islam kepada Nabi (SAW). Tradisi ini banyak dilakukan oleh umat Islam di pelbagai belahan dunia termasuk di Patani, Selatan Thailand. Kajian ini bertujuan untuk menjelas tentang Pemikiran Tuan Guru Haji Sulong terhadap perayaan Maulid Nabi dalam kitabnya, Risalah Cahaya Islam, Gugusan Maulid Sayyid al-Anam. Pada umumnya, kajian ini berasaskan kajian kepustakaan dengan menggunakan metode pengumpulan data kemudian analisis secara deskrip-deskriptif. Kajian didapati bahawa Tuan Guru Haji Sulong al-Fatoni menolak pendapat golongan tertentu yang mengatakan acara Maulid Nabi adalah tidak dibenarkan kerana merupakan *Bid'ah* yang keji. Beliau berpegang bahawa merayakan Maulid Nabi (SAW) itu adalah termasuk dalam kategori *Bid'ah Hasanah* atau sunat dikerjakan. Untuk menguatkan pendapat tersebut, beliau memetik pendapat-pendapat ulama silam antaranya Shyeikh Ibnu Hajar al-'Asqallani, Imam as-Sayuthi, dan ulama-ulama lainnya, yang sangat terkenal. Pendapat-pendapat ulama yang tersebut dilengkapi dengan petikan yang agak panjang dan pada beberapa tempat disebut pula kitab-kitab rujukan.

**Kata kunci:** Pemikiran Tuan Guru Haji Sulong, Maulid Nabi(SAW), Cahaya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam.

RESEARCH

*Tuan Guru Haji Sulong al-Fatoni's Thoughts on the Maulid Nabi (SAW)  
Tradition: A Study on Cahaya Islam Gugusan Maulid  
Sayyid al-Anam*

*Ismaie Katih, Ph.D.\*, Numan Hayimasae, Ph.D.\*\**

*\*Asst. Prof. of Islamic Studies, Faculty of Islamic Sciences, Prince of Songkhla University, Pattani Campus.*

*\*\*Asst. Prof. Program of Melayu Studies, Faculty of Humanities and Social Sciences, Pattani Campus.*

**Abstract**

Maulid Nabi is a kind of celebrations made it in order to recall back the birth of the Prophet Muhammad as one way of respectation to Him (SAW). This tradition has been practicing in various part of the world including Patani, southern part of Thailand. This research is aimed at studying Tuan Guru Haji Sulong's thought on the tradition of Maulid Nabi in his treaty, Risalah Cahaya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam. Generally, this is a documentary research based on library data collection and then analysed descriptively. The research found that Tuan guru Haji Sulong al-Fatoni rejected particular scholars who stated that the tradition of Maulid Nabi is not allowed because of the bad *Bid'ah*. He argues that the celebration of Maulid Nabi (SAW) is a kind of the good *Bid'ah* (*Bid'ah Hasanah*) or encouraging to do it. In order to support this argument, he evidenced several thoughts from great scholars such as Shyeikh Ibnu Hajar al-'Asqallani, Imam as-Sayuthi, dan some others, whom very well known. All of their thoughts are presented descriptively and followed by references.

**Keywords:** Haji Sulong's Thought, Tradition of Maulid Nabi (SAW), Cahaya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam.

## 1. Latar belakang kajian

Tradisi Maulid Nabi adalah sejenis perayaan yang dilakukan dalam rangka memperingati hari kelahiran Nabi Muhammad (SAW) sebagai salah satu pelaksanaan dan rasa cinta umat Islam kepada Nabi(SAW). Tradisi ini banyak dilakukan oleh umat Islam di setiap penjuru dunia termasuk di Patani, dan di wilayah-wilayah yang umat Islam bertempat di bahagian lain-lain dalam negara Thai.

Perayaan Maulid pada panggilan orang melayu ialah setengah daripada cara membesar-besarkan Rasul allah (SAW). Perayaan tersebut dilakukan melalui cara pembacaan Maulid Berzanji atau lain-lain bentuk. Kemudian mereka yang terlibat dalam majlis perayaan Maulid akan berdiri ketika pembacaan tiba di ayat yang menyebutkan tentang kelahiran Nabi (SAW). Setelah berzanji, kebiasaannya akan adakan jamuan selera, makanan dan lain-lainnya daripada bermacam-macam amalan kebajikan sesuai bulan Rabi'ul Awwal setiap-tiap tahun. (Haji Abdullqadir bin Haji Wangah, 1409. Hal: 11.)

Dalam membicarakan tentang Maulid Nabi dalam kajian ini akan membahaskan sejauh mana pendapat Haji Sulong dalam hal ini melalui kitab beliau bernama Kitab Cahaya Islam – Gugusan Maulid Saiyidil Anam. Kitab ini ditulis oleh Tuan Guru Haji Sulong al-Fathoni sempena bulan kelahiran Nabi Muhammad (SAW). selesai tulis pada tahun 1362 H/1943, dalam masa darurat suasana Perang Dunia Kedua. Tumpuan utama Kitab Cahaya Islam adalah tentang Maulid Nabi Muhammad (SAW). Namun pendekatan yang digunakan jauh berbeza dengan penulisan-penulisan lain yang pernah dihasilkan oleh beberapa ulama dunia Melayu yang sebelumnya. Hampir separuh kandungan jilid pertama adalah membahas pembahagian bid'ah. Seterusnya dilanjutkan pula pendapat para ulama yang terkenal dunia Islam tentang hukum mengadakan Maulid Nabi Muhammad (SAW).

Kitab ini merupakan karya Tuan Guru Haji Sulong yang terakhir, telah ditulisnya ketika di dalam penjara Legor, Nakhorn Sri Thammaraj, Thailand. Setelah karya ini, tidak ada lagi karya beliau yang lain, kerana setelah itu beliau hilang secara misteri. Bahkan hingga sekarang tidak diketahui di mana Tuan Guru Haji Sulong dikebumikan.

Gugusan Cahaya Keselamatan, sebuah karya beliau lagi selesai ditulis pada 3 Zulkaedah 1368 H bersamaan dengan 28 Ogos 1949 M. Cetakan yang pertama sebanyak 10,000 naskhah, diusahakan oleh Tuan Haji Muhammad Amin, anak pertama Tuan Guru Haji Sulong. Ia diterbitkan oleh Saudara Press Patani, bertempat di no. 185, Jalan Rodi, Patani, tahun cetakan 1377 H/1958 M. (Wan Mohd Shaghbir Abdullah, 2010)

Secara umumnya kitab ini beliau dihasilkan untuk menyebarkan pandangan para ulama tentang perayaan Maulid Nabi (SAW). kepada umat Islam dan sekaligus, melalui tulisan ini beliau hendak menafikan pandangan yang menafikan perayaan Maulid. Beliau membuktikan pandangan para ulama terkenal silam bagi menguatkan pendiriannya.

Oleh sebab kitab Haji Sulong ini juga berperanan penting dalam penyebaran pandangan para ulama tentang Maulid Nabi (SAW)., pengkaji amat berharap bahawa kajian ini boleh menjadi sumbangan, mendedahkan pemikiran Haji Sulong dan sebagai kongsi ilmiah. Selain itu kitab ini belum sempurna kerana didapati rujukan-rujukan utama seperti menyebut nama kitab dan halaman tanpa menyebut asal usul. Juga ditempat yang lain ada menyebut maksud hadith sahaja tanpa menyebut teks asal dalam bahasa Arab dan juga belum mentakhrijkan hadith-hadith. Melalui kajian ini, pengkaji akan menyambung kekurangan-kekurangan tersebut baik dari segi rujukan dan penjelasan hadith-hadith yang belum sempurna. Melalui kajian ini juga, pengkaji amat yakin bahawa hasil kajian ini akan menjadi bahan bacaan bagi orang awam di Alam Melayu khususnya di Patani. Sejauh pengalaman pengkaji, belum didapati mana-mana kajian yang dijalankan terhadap kitab tersebut.

Dengan itu, pengkaji merasakan satu keperluan untuk mengemukakan pemikiran Tuan Guru Haji Sulong dalam bidang agama. Kajian ini akan melibatkan huraian berkaitan “Pemikiran Tuan Guru Haji Sulong terhadap perayaan Maulid Nabi: Kajian terhadap kitab Cahaya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam. Pengkaji juga melihat bahawa kajian ini akan memberikan sumbangan besar terhadap fahaman tentang tradisi Maulid Nabi yang masih menjadi isu keditakan sefahaman di kalangan umat Islam dan bagaimana jalan keluar mengikut ajaran Islam yang tulen.

## 2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjelas tentang Pemikiran Tuan Guru Haji Sulong terhadap perayaan Maulid Nabi melalui ktiab Cahya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam.

## 3. Ringakas Biografi Tuan Guru Haji Sulong

Dari segi silsilah kekeluargaan, beliau dengan nama lengkap Haji Sulong Abdul Kadir ialah Muhammad bin Abdul Kadir bin Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad al-Fatani. (Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad al-Fatani berasal dari kampung Bendang Badang berpendidikan awal di kampung lahirnya kemudian belajar di Makkah. Pada tahun 1860-an beliau pulang ke

Patani dan membuka pondok di kampung kelahirannya lagi. Awal 1910-an, beliau menuju ke Malaya dan membuka pondok di Seberang Prai hingga ke akhir hayatnya sekitar tahun 1910-an. (Ahmad Fathy al-Fatani, 1999). “Beberapa Catatan Tentang Tuan Minal.” *Pengasuh*. Bil. 557 Mac-Apr., hlm. 18-25.) Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad al-Fatani ini ialah seorang ulama terkenal setelah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1769-1847) dan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908). Beliau dikenali dengan gelaran “Tuan Minal”. (Mengikut Wan Muhammad Shaghir Abdullah, gelaran “Tuan Minal” ini muncul daripada serangkaian peristiwa di antara Syeikh Zainal Abidin dengan murid-muridnya, iaitu apabila beliau terlalu marah kepadamurid-muridnya beliau sering membaca surah an-Nas dan apabila sampai di ayat “Min al-Jannah Wa al-Nas”, beliau mengeraskan suaranya. Kejadian ini sering kali berlaku hingga lama kelamaan melekatkan dengan kalimat “Min al-Jannah”), (Lihat Wan Muhammad Shaghir Abdullah. 1991. *Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad al-Fatani*. Dakwah. Apr., hlm. 16-17.) Menurut Wan Muhammad Shaghir Abdullah, Syeikh Zainal Abidin Ahmad al-Fatani mempunyai tiga orang isteri dan beberapa orang anak. Antara anak-anak beliau, termasuk Haji Daud. Al-‘Alim al-‘Allamah Haji Abdul Kadir, Al-‘Alim al-‘Allamah Syeikh Muhammad Shalih, Al-‘Alim al-‘Allamah Syeikh Umar, Al-‘Alim al-‘Allamah Haji Hasan dan Hajah Fatmah. (Wan Muhammad Shaghir Abdullah, 1999, hlm: 43-44)

Abdul Kadir atau Haji Abdul Kadir telah berkahwin dua kali. Kali pertama Abdul Kadir berkahwin dengan seorang gadis berasal dari Kelantan dan memperoleh dua orang anak yang kedua-duanya menjadi ulama. (Wan Muhammad Shaghir Abdullah. 1999). Kali kedua beliau telah berkahwin dengan Shafiyah, seorang perempuan yang berasal dari Muar, Johor atau dikenali dengan gelaran "Mik Muar" dan memperolehi 7 orang anak termasuk Zainab, Maryam, Abdullah, Mahmud Nor, Khadijah, Mahmud dan Fatimah.

Di sini ada perbezaan pendapat tentang silsilah keturunan Haji Sulong, iaitu antara pendapat Wan Muhammad Shaghir Abdullah dengan seorang anak Haji Sulong, Muhammad Amin. Mengikut Muhammad Amin, Abdul Kadir berkahwin dengan tiga orang isteri. Isteri pertama bernama Syarifah yang juga dikenali dengan gelaran “Che Pah” dan daripada isteri inilah lahirnya Haji Sulong. Haji Sulong dilahir di kampong Anak Ru, Patani pada tahun 1895. (Dipanggil orang kampung Anak Ru kerana pada masa lampau ia belum diduduki orang. Di kawasan ini juga merupakan kawasan pesisir pantai yang banyak dengan pokok-pokok Ru yang kecil). Semasa itu Patani berada di bawah pemerintahan Raja Sulaiman Syarifuddin ayah kepada Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Raja Patani yang terakhir. Setelah mati “Che Pah”, Abdul Kadir berkahwin pula dengan dua orang isteri. Isteri pertama bernama Raqi'ah yang melahirkan dua orang anak iaitu: Haji Abdul Rahim dan Sofi'ah. Isteri kedua bernama “Mak

Besar” (nama gelaran) yang melahir tujuh orang anak, iaitu; Zainab, Mariam, Abdullah, Mohd. Noor, Khadijah, Mahmud dan Fatimah. (Wan Muhammad Shaghir Abdullah. 1999).

Haji Sulong ialah anak sulung daripada sanak-saudaranya dan kerana itu beliau digelar “Sulong”. Penduduk tempatan selalu memanggil beliau dengan gelaran “Tak Yah Long”. (Numan Hayimasae, 2004, hlm: 82-83). Semasa kecil, Haji Sulong Abdul Kadir merupakan seorang anak yang pakal, cerdas dan suka melagakan ayam yang menjadi satu permainan yang termasyhur dalam kalangan penduduk Melayu Patani ketika itu. Oleh sebab kecerdasan itu, beliau berjaya khatam al-Quran pada umur delapan tahun sahaja. (Muhammad K.Zaman. 1995)

### **Pengertian Maulid Nabi, Lintasan Sejarah dan Hukumnya**

Pengertian Maulid Nabi (SAW) menurut Syeikh as-Sayyid Zain Aal Sumaith, dalam karyanya, Masa’il Kathsura Haulaha al-Niqasy wa al-Jidal, mendefinisikan Maulid Nabi (SAW). adalah : Memperingati hari kelahiran Rasulullah (SAW). dengan menyebut-nyebutkan kisah hidupNya, dan tanda-tanda kemuliaan serta mukjizat –mukjizat Nabi (SAW). bagi mengagungkan kedudukanNya, dan melahirkan rasa kegembiraan atas kelahirannya. (Al-Sayyid Zain Aala al-Sumait, nd, hlm: 105).

Dari pengertian di atas didapati bahawa kegiatan yang dilakukan pada hari kelahiran Nabi (SAW) iaitu pada 12 Rabi’ul Awwal dengan amalan-amalan ibadah yang bersifat mutlak seperti melakukan pembacaan dan pengkajian tentang sirah Rasulullah (SAW) melalui pembacaan syair-syair yang tertulis dalam kitab-kitab Maulid seperti Barzanji, ataupun melakukan kegiatan tertentu yang dikategorikan sebagai ibadah mutlak seperti bersolawat, membaca al-Qur’an, bersedekah, dan lain-lainnya.

Berkaitan dengan sejarah Maulid Nabi (SAW), para ulama bersepakat bahawa Maulid Nabi tidak pernah dilakukan pada masa Nabi (SAW) masih hidup dan tidak juga pada masa pemerintahan *Khulafaurrasyidin*. al-Maqrizi (mati H.764) dalam kitabnya “al-Khutat” menjelaskan bahawa Maulid Nabi mulai diperingati pada abad 9 Hijrah oleh Dinasti Fathimiyah di Mesir.

Dinasti Fathimiyah mulai menguasai Mesir pada tahun 362 H dengan raja pertamanya Al-Muiz lidinillah, pada awal tahun menaklukkan Mesir beliau membuat enam perayaan hari lahir sekaligus; hari lahir ( Maulid ) Nabi, hari lahir Ali bin Abi Thalib, hari lahir Fatimah, hari lahir Hasan, hari lahir Husein dan hari lahir raja yang berkuasa. Kemudian pada tahun 487 H pada masa pemerintahan al-Afdhal peringatan enam hari lahir tersebut dihapuskan dan tidak

diperingati, raja ini meninggal dunia pada tahun 515 H. Pada tahun 515 H dilantik Raja yang baru digelarkan al-Amir Li ahkamillah, beliau menghidupkan kembali peringatan enam Maulid tersebut, dan begitulah seterusnya, peringatan Maulid Nabi (SAW) yang jatuh pada bulan Rabi'ul Awwal diperingati daripada tahun ke tahun sehingga ke zaman sekarang dan meluas hampir ke seluruh dunia. (Nashir Moh. Al-Hanin, 2007, hlm: 1).

Riwayat yang lain, bahawa peringatan Maulid Nabi pertama kali dilakukan oleh Raja Irbil (satu wilayah di Iraq sekarang), bernama Muzhaffaruddin al-Kaukabri, pada awal abad ke 7 Hijriyah. (al-Suyuti, 2000, 1/182). Ibn Kathir menjelaskan: Sultan Muzhaffar mengadakan peringatan Maulid Nabi pada bulan Rabi'ul Awwal. Beliau merayakannya secara besar-besaran. Beliau ialah seorang yang berani, gaya pahlawan, berilmu dan seorang pemerintah yang adil – semoga Allah merahmatinya. Selain itu terdapat penjelasan dari cucu Ibn al-Jauzi bahawa dalam peringatan tersebut, Sultan al-Muzhaffar mengundang seluruh rakyatnya dan seluruh ulama yang pakar pelbagai bidang ilmu, baik ilmu Fiqh, Hadits, ilmu kalam, ulama usul, ahli tasawuf, dan lain-lainnya. Sejak tiga hari, sebelum hari pelaksanaan Maulid Nabi itu, beliau telah melakukan segala persiapan. Ribuan kambing dan unta disembelih untuk hidangan para hadirin yang akan hadir dalam perayaan Maulid Nabi tersebut. Segenap para ulama saat itu membenarkan dan menyetujui apa-apa yang dilakukan oleh Sultan al-Muzhaffar tersebut. Mereka semua berpandangan dan menganggap baik perayaan Maulid Nabi yang dibuat untuk rakyat kali pertama itu. (Ibn Kathir, 1998, 13/145).

Ibn Khallikan dalam kitab Wafayat al-A'yan menceritakan bahawa al-Imam al-Hafiz Ibn Dihyah datang dari Marocco menuju ke Syam dan seterusnya ke Iraq. Ketika melintasi daerah Irbil pada tahun 604 Hijriah, beliau mendapati Sultan al-Muzhaffar, raja Irbil tersebut sangat besar perhatiannya terhadap perayaan Maulid Nabi (SAW). Oleh karena itu, al-Hafiz Ibn Dihyah kemudian menulis sebuah buku tentang Maulid Nabi yang diberi judul “ *al-Tanwir Fi Maulid Al-Basyir al-Nazir*”. Karya ini kemudian beliau menghadiahkannya kepada Sultan al-Muzhaffar. (Ibn Khallikan, nd, 3/449).

Para ulama berbeza pendapat tentang hukum perayaan Maulid Nabi (SAW), ada pandangan yang membolehkan dan yang menolak. Pihak yang membolehkan menyatakan bahawa Maulid Nabi (SAW) pada hakikatnya bukanlah ibadah, namun semata-mata tradisi (adat). Sebagaimana diketahui, hukum asal dari tradisi kebiasaan manusia adalah *mubah*, selama tidak ditemukan dalil eksplisit yang mengharamkannya. Oleh karena itu, pada dasarnya suatu tradisi tidak memerlukan dalil khusus dan spesifik. Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani, mengatakan: Bahawa sesungguhnya mengadakan Maulid Nabi merupakan suatu tradisi dari tradisi-tradisi yang baik, yang mengandung banyak manfaat dan

faedah yang kembali kepada manusia, sebab adanya kurnia yang besar. Oleh karena itu ia dianjurkan dalam syara' dengan satuan pelaksanaannya (ibadah-ibadah mutlak yang menjadi bagian dari tradisi Maulid). (Sayyid Muhammad bin Alawi Al-Maliki, 2009, hlm: 309).

Abu al-Hasanain al-Hasyimi al-Makki juga berkata: “Dan kaum Muslimin–bihamdillah– tidak pernah menganggap peringatan Maulid Nabi (SAW) sebagai ibadah. Di mana bagi mereka, peringatan Maulid semata-mata perbuatan yang tidak dilarang berdasarkan ia merupakan perkara kebiasaan sahaja. Adapun, niat taqarrub kepada Allah itu didapati dengan melalui niat. (Abu al-Hasanain al-Makki al-Hasyimi, 1996, hlm: 70).

Dari penjelasan di atas, peringatan Maulid Nabi pada hakikatnya semata-mata merupakan tradisi sahaja sebagaimana tradisi-tradisi yang harus atau mubah lain-lain. Tradisi-tradisi tersebut seperti tradisi memperingati hari kemerdekaan, tradisi walimah, dan lain-lain sebagainya. Oleh kerana itu, persepsi bahawa Maulid Nabi dinilai sebagai ibadah yang diada-adakan, yang tentunya bertitik tolak dari persepsi pihak yang mengamalkan Maulid Nabi yang mengira ini adalah sebagai tradisi semata-mata. Buktinya, pihak yang melaksanakannya tidak pernah mewajib perayaan Maulid Nabi kepada pihak mana-mana pun. Dalam hal ini ia boleh menjadi ibadah sekiranya ada niat yang baik dalam rangka bertaqarrub kepada Allah walaupun perayaan ini semata-mata tradisi. Di sini ingin menegaskan bahawa ibadah yang dimaksud itu pasti berdasarkan niatnya yang baik tetapi bukan dikira ia adalah asal usul dari tradisi masyarakat. Selanjutnya, tradisi dalam hal ini berfungsi sebagai wasilah atau sarana, yang juga pada hakikat dihukumkan seperti hukum asal, hukum mubah. (Isnain Ansory, 2018, hlm: 31).

Pihak yang menolak perayaan Maulid Nabi (SAW) adalah ibadah yang tidak pernah dicontohkan oleh Rasulullah(SAW) Padahal hukum asal ibadah adalah haram (*Tawqifiyyah*), yang memerlukan dalil khusus. Dalam hal ini, tidak ditemukan dalil khusus yang menunjukkannya. (Isnain Ansory, 2018, hlm: 29).

Sa'id bin Ali al-Qahthani mengatakan: Perayaan Maulid adalah *Bid'ah* yang dibuat-buatkan dalam agama di mana Allah tidak pernah menurunkan sebarang ajaran tentangnya. Nabi (SAW) sendiri pun tidak pernah mensyariatkan melalui sabdanya, perbuatannya, dan Iqrarnya. (Said bin Ali al-Qahthani, 1420, hlm: 52).

Taj al-din al-Fakihani mengatakan: Saya tidak pernah tahu dalil dari al-Qur'an dan Hadith tentang peringatan Maulid Nabi ini, dan tidak pernah pula diceritakan riwayat tentang pelaksanaannya oleh salah satu ulama, di mana para ulama tersebut merupakan pimpinan dalam hal agama, yang senantiasa berpegang teguh kepada warisan orang-orang terdahulu.



Bahkan peringatan Maulid Nabi adalah satu perkara yang Bid'ah. (Tajuddin al-Fakihani, 1409, hlm: 8).

Ibnu al-Haj dari mazhab Maliki menyatakan: Maka wajib bagi kita pada hari Isnin tarikh 12 Rabi'ul awwal dengan menambahkan beribadah dan berbuat kebaikan, sebagai ungkapan rasa syukur kepada Allah atas apa-apa yang dianugerahkan kepada kita berbentuk nikmat-nikmat besar, terutama nikmat kelahiran Nabi Muhammad (SAW). (Ibn al-Haj al-Maliki, nd, 2/2).

Berikut adalah ini pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa Maulid Nabi (SAW) tidak boleh dilakukan, antara lain;

1. Menurut Fatwa Syeikh Abdul Aziz bin Baaz, (Hamud bin Abd Allah al-Matar, 1419, hlm: 619), bahawa seseorang tidak dibenarkan mengadakan perayaan hari lahir Nabi (SAW) dan hari kelahiran lain-lainnya, kerana hal tersebut termasuk *Bid'ah* yang diada-adakan dalam agama sedangkan Rasulullah (SAW), para Khalifah al-Rasyidin dan pengikut-pengikut Rasulullah dari kalangan sahabat tidak pernah pun melakukan perayaan tersebut dan tidak pula para tabi'in. Satu hadith dari Nabi (SAW) begini bersabda:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ، فَهُوَ رَدٌّ

Barang siapa yang membuat-buat perkara baru dalam agama ini yang bukan bagian dari agama ini, maka hal itu tertolak. (al-Bukhari, 1422, 3/1343).

2. Menurut Syeikh Muhammad bin Shalih al-Utsaimin (Muhammad Salih al-Uthaimin, 1413, 2/297-299), menjelaskan: Pertama: Malam kelahiran Rasul (SAW) diketahui secara pasti, bahkan sebahagian daripada ulama masa kini menyimpulkan hasil penelitian mereka bahawa malam kelahiran beliau adalah pada tanggal 9 Rabi'ul Awwal, bukan malam 12 Rabi'ul Awwal. Oleh sebab itu, menjadikan perayaan pada malam 12 Rabi'ul Awwal tidak berdasarkan dari sumber sejarah yang sebenarnya. Kedua: Dari sisi tinjauan syariat tidak ada dasar tentang meraya Maulid Nabi (SAW). Apabila hal itu termasuk bagian syariat Allah maka tentunya Nabi (SAW) melakukan atau begini sampaikan kepada umatnya. Dan jika begini pernah melakukan atau menyampaikan maka mestilah ajaran itu terus terjaga, sebab Allah Ta'ala berfirman:

## وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanla al-Quran(al-Hasyr:7)

Dari penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa telah terjadi perbezaan pandangan antara pihak yang menolak Maulid Nabi (SAW) dan sebaliknya. Bagi yang membolehkan Maulid Nabi (SAW), mereka menganggap peringatan ini sebatas tradisi yang tidak dijadikan sebagai ibadah khusus. Oleh karena, ia sebagai suatu tradisi dihukum secara hukum asal termasuk perkara yang boleh dilakukan, selama mana tidak ditemukan dalil yang mengharamkan tradisi tersebut. Manakala bagi pihak yang menolakkannya menganggap bahawa peringatan Maulid Nabi (SAW) merupakan ibadah yang tidak berdasarkan kepada mana-mana dalil, maka ia akan dihukum dengan hukum *al-Man'* (dilarang) berdasarkan kaedah, "*Hukum asal bagi ibadah adalah dilarangkan*". (Muhammad Husin bin Hasan al-Jizani, 1431, 1/111). Bagi orang yang ingin keluar dari pendapat ulama dalam masalah ini, baik sahaja mengelakkannya dari melakukan amalan ini, atas dasar: *Keluar daripada khilaf pandangan adalah digalakan*. (al-Subki, 1991, 1/111).

### 4. kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pengumpulan data dari sumber terutamanya kitab Haji Sulong, Cahaya Islam, Gugusan Maulid Sayyidil al-Anam, dan sumber kitab-kitab lain yang mengandungi isi kandungan berkaitan dengan acara Maulid Nabi baik yang sokong mahupun yang kontra. Secara terperinci adalah berikut:

4.1. Metode pengumpulan data ialah kajian kepustakaan. Pengkaji telah menggunakan sumber maklumat yang berhubungkait dengan tujuan kajian ini di mana telah dikumpulkan dari beberapa data kepustakaan baik yang premir atau skunder. Beberapa sumber maklumat yang pernah dikumpulkan oleh para ilmuan dalam isu-isu berkaitan. Sumber asas dalam kajian ini tentulah kitab Haji Sulong bertajuk Cahaya Islam, Gugusan Maulid Sayyid al-Anam dan sumber rujukan dari kitab-kitab klasik yang lain hasil tulisan ulama silam yang terkemuka sebagai sumber rujukan tulisan Haji Sulong dan sumbangan akademik kepada kajian ini.

4.2. Metode Analisis Data, dari segi bentuk kajian ini yang bertumpu kepada seorang tokoh ulama Patani, Tuan Guru Haji Sulong Abdul Kadir, khususnya terhadap pemikiran beliau dalam masalah pelaksanaan tradisi Maulid Nabi (SAW) melalui kitab berjudul Cahaya

Islam Gugusan Mauled Sayyid al-Anam. Selanjutnya, pengkaji cuba merumuskan secara umum bagaimana pendirian beliau terhadap acara Maulid Nabi (SAW) serta hujah-hujah yang diutarakan. Pengkaji juga membuat kajian lanjutan dari hasil tulisan beliau dengan mendapatkan sumber asli yang Haji Sulong menyebut secara tidak sumpurna dari aspek teks aslinya, sumber rujukannya serta maklumat-maklumat penting yang lain yang diperlukan dalam mengukuhkan penghujahan beliau bagi menyakinkan yang kesemua beliau merujuk itu berdasar kepada sumber yang benar, pengarang yang benar, dan lebih-lebih lagi ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-hadith yang sahih. Secara keseluruhannya, pengkaji memakai teknik huraian secara deskriptif di mana dalam kandungan disertakan dengan analisis-analisis yang bersandarkan kepada rujukan-rujukan yang boleh dipercayai baik dari segi kewibawaan pengarang sendiri mahupun kaedah yang digunakan.

## 5. Batasan Kajian

Kajian tentang pemikiran Tuan Guru Haji Sulong terhadap Maulid Nabi (SAW) ini, hanya bertumpu kepada sebuah kitab karangan beliau iaitu “Cahaya Islam, Gugusan Maulid Sayyid al-Anam dan perihal asal bagi berbuat Maulid yang karim dan menyatakan kelebihan yang Amim”. Walaupun kitab berbincang tentang Maulid Nabi (SAW) namun dimuatkan juga dengan bahasan tentang ketegori *Bid'ah* dan *syarat-syaratnya*.

## 6. Hasil Kajian dan Perbingcangan

Tuan Guru Haji Sulong menjelaskan tentang kenyataan dalil-dalil Sunat perayaan Maulid Nabi (SAW) dan Sunat bangun berdiri ketika majlis bersolawat atasnya (bila berzanji). Beliau menjelaskan begini: Adapun diperbuat jamuan serta membaca Kisah Maulid di dalam perhimpunan maka iaitu masuk dalam bahagian *Bid'ah Sunat* kerana perbuatan itu menunjukkan kasih sayang akan Nabi (S.W.) dan membesar akan dia maka hal yang demikian itu disuruh oleh syara' dengan barang mana kaifiyat ada ia maka diperbuat Maulid itu pun di suruh pula dan begitu juga bangun berdiri pada ketika membaca:

(وَأَحْذَرُهَا الْمَخَاضُ فَوَلَدَتْهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نُورًا يَتَأَلَّأُ سَنَاهُ)

maka mulailah Siti Aminah merasa sakit untuk bersalin kemudian ia pun melahirkan Junjungan kita di dalam keadaan dengan cahanya yang gilang-gemilang. (al-Barzanji, 2008).

Bagi Tuan Guru Haji Sulong bahawa berdiri dalam acara Maulid Nabi kebiasaannya bila baca Berzanji tiba pada ayatnya kelahiran baginda Rasulullah tersebut adalah tanda memberi kemuliaan dan kebesaran atas kezhahiran suatu rahmat Allah Taa'la bagi sekalian alam dengan diperanakan Nabi (SAW.). Sebenarnya kelakuan berdiri dalam hal tersebut telah dilaksanakan oleh orang-orang yang alim-alim dari pelbagai negeri. (Muhammad Sulong: 1376:10).

Tuan Guru Haji Sulong memuatkan pandangan Imam al-Nawawi tentang Maulid Nabi (SAW) dengan mengatakan bahawa: berdiri bagi orang yang kelebihan dan kemuliaan dalam Agama Islam adalah setengah daripada perkara yang disunatkan sebagai tanda kehormatan dan bukan kerana riya'. (Muhammad Sulong: 1376:10). Tuan guru menguatkan pandangan Imam al-Nawawi dengan dalil hadith yang diriwayatkan daripada Imam al-Baihaqi dalam Sunannya berikut:

عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَتَتْهَا قَالَتْ: " مَا رَأَيْتُ أَحَدًا كَانَ أَشْبَهَ كَلَامًا وَحَدِيثًا مِنْ فَاطِمَةَ  
بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَتْ إِذَا دَخَلَتْ عَلَيْهِ رَحَّبَ بِهَا، وَقَامَ إِلَيْهَا، فَأَخَذَ  
بِيَدِهَا، فَقَبَّلَهَا وَأَجْلَسَهَا فِي مَجْلِسِهِ، وَكَانَ إِذَا دَخَلَ عَلَيْهَا، رَحَّبَتْ بِهِ وَقَامَتْ فَأَخَذَتْ  
بِيَدِهِ فَقَبَّلَتْهُ "

daripada A'isyah (R.A.) berkata: tidak aku lihat akan seseorang yang terlebih menyerupai perkataan dan tutuan daripada Fatimah dengan Rasul (SAW) dan adalah Fatimah apakala masuk atas Nabi (SAW) nescaya membesar oleh Nabi (SAW) akannya dan bangun berdiri kepadanya maka memegang oleh Nabi (SAW) akan tangannya dan mekucup akan dia. dan di peruduk akan dia pada tempat duduknya dan Nabi (SAW) apakala masuk atas Fatimah nescaya membesar oleh Fatimah akan dia dan bangun berdiri Fatimah kepadanya dan memegang oleh Fatimah akan tangannya maka mekucup akan dia. (al-Baihaqi, 1424, 7/162, Ibn Hibban, 1993, 15/403, al-Hakim, 1990, 3/167, dan al-Aajuri, 1999, 5/2120).

Bagi Tuan guru Haji Sulong, tindakan berdiri ini tidak patut bagi seseorang daripada orang alim atau orang-orang awam meninggalkannya, dan tidak patut juga menegahkan daripada melakukannya bahkan jika ada yang meninggalkan berdiri dan menegahkan daripadanya itu adalah mehinakan akan Nabi (SAW) atau mehinakan perbuatan itu. (Muhammad Sulong: 1376:10).

Penjelasan Tuan Guru Haji Sulong di atas, sangat mementing dan menghargai gerak geri bangun berdiri ketika solawat atas junjungan Nabi(SAW) pada majlis berzanji. Hal ini terdapat beberapa penjelasan dari beberapa ulama termasuk Ibn Hajar al-Haytami dalam kitabnya, *Fatwa al-Hadithiyyah*. Ibn Hajar ada menjelaskan bahawa: Selama ini dinilai baik melakukan solawat sambil berdiri sebagai penghormatan terhadap Nabi SAW. Hal tersebut berdasarkan kepada pendapat Imam al-Nawawi yang menganggap berdiri untuk menghormati seorang yang punya keutamaan adalah bagian dari amal sunnah jika dilakukan tidak untuk *riya'*. (Ibn Hajar al-Haythami, nd, hlm: 50).

Penjelasan Tuan Guru Haji Sulong berikut tadi adalah sesuai dengan pandangan Syeikh Ali al-Halabi dalam kitabnya "*Insan al-Uyun Fi Sirat Al-Amin Al-Ma'mun* (al-Halabi, 1427, 2:1/123), beliau menjelaskan bahawa bentuk berdiri ketika menyebut nama Nabi(SAW) atau dikatakan *mahallul qiyam* sesungguhnya telah ditemukan oleh ulama umat Islam dan para imam, sebagai contoh Imam al-Subki yang telah diikuti oleh para ulama semasa dengannya. Sebagian ulama menceritakan bahawa Imam al-Subki dan para ulama pernah berkumpul, lalu seorang penyair menyembahkan syair pujian karya al-Sharshari untuk Nabi (SAW):

قليل لمدح المصطفى الخط بالذهب ... على ورق من خط أحسن من كتب . وأن تنهض  
الأشراف عند سماعه ... قياما صفوفا أو جثيا على الركب

Artinya: Sedikit sekali tulisan yang memuji Nabi pilihan dengan cinta emas di atas lembaran perak dalam tulisan terbaik. Hendaklah orang-orang mulia berdiri ketika mendengarnya, berdiri bersaf-saf, atau berlutut diatas kendaraan. Maka Saat itulah Imam al-Subki berdiri bersama orang yang hadir dalam majelis. (al-Halabi, 1427, 2:1/123).

Dari keterangan di atas dapat memberi kesimpulan bahawa bagi golongan yang menggalakan perayaan Maulid Nabi (SAW) dan berdiri ketika pembacaan berzanji amat diajurkan. Ini disebabkan aktiviti berdiri adalah suatu akhlak yang baik bagi umat Nabi Muhammad (SAW). Para ulama memandangkan bahawa berdiri untuk menghormati Rasulullah (SAW) adalah sesuatu yang baik (Istihsan).

Tuan guru menghujahkan tentang hukum perayaan Maulid Nabi(SAW) melalui pandangan ulama-ulama yang tersyohur, seperti Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani yang menyebut bahawa perayaan Maulid Nabi adalah *Bid'ah Hasanah* (Muhammad Sulong: 1376:12). Sebagaimana dinukil oleh Imam al-Suyuti bahawa Syeikh Ibnu Hajar ditanya

tentang amalan Maulid, beliau menjawab bahawa: Asal melakukan Maulid adalah Bid'ah, tidak diriwayatkan dari ulama salaf dalam tiga abad pertama, akan tetapi di dalamnya terkandung kebaikan-kebaikan dan juga kesalahan-kesalahan. Barang siapa sahaja melakukan kebaikan di dalamnya dan menjauhi kesalahan-kesalahan, maka dia telah melakukan *Bid'ah* yang baik (*Bid'ah Hasanah*), (Imam al-Syuti, 1985, Tahqiq Mustafa Abd al-Qadir, hlm: 63). Hal ini terdapat dalil dari hadith diriwayatkan Imam al- Bukhari dan Muslim bahawa Nabi (SAW) bersabda:

لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَجَدَ الْيَهُودَ يَصُومُونَ عَاشُورَاءَ، فَسُئِلُوا عَنْ ذَلِكَ، فَقَالُوا: هَذَا الْيَوْمُ الَّذِي أَظْفَرَ اللَّهُ فِيهِ مُوسَى، وَبَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى فِرْعَوْنَ، وَنَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «نَحْنُ أَوْلَى بِمُوسَى مِنْكُمْ، ثُمَّ أَمَرَ بِصَوْمِهِ.

Tatakala datang ia kenageri Madinah di dapatkan Yahudi puasa mereka itu pada hari Asyura' maka bertanya Nabi (SAW) akan mereka itu maka jawab mereka itu ini hari yang di tergelam oleh Allah taa'la padanya akan Firaun di dalam laut dan di lepaskan Nabi Musa (SAW) maka kami puasa akan dia kerana syukur akan Allah taa'la maka sabda Nabi (SAW) aku terlebih sebenar dengan Musa daripada kamu maka puasa Nabi (SAW) dan menyuruh ia akan manusia dengan puasanya. (al-Bukhari, 1422, 5/70(5943), Muslim, nd. 2/795(1130)).

Tambahan pula Ibnu Hajar al- Asqalani dalam kitab fatwanya yang dikutip oleh Imam al-Syuti, beliau mengambil kaedah yang berasal daripada hadith Bukhari dan Muslim tersebut berkaitan dengan kelebihan syukur bagi Allah taa'la melalui bermacam-macam ibadat pada satu hari yang tertentu dengan sebab dikurniakan Allah taa'la akan nikmat atau ditolakan bala dan berulang-ulang syukur pada umpama hari itu pada setiap tahun. Maka jelas di sini bahawa tidak ada nikmat yang lebih besar selian daripada nikmat kelahiran Nabi Muhammad (SAW pada hari Isnin 12 bulan Rabiaul Aw-wal ini. (al-Syuti, 1985, tahqiq Mustafa Abd al-Qadir, hlm: 63).

Tuan Guru Haji Sulong memuatkan (Muhammad Sulong: 1376:17) pandangan Abu Syamah iaitu guru bagi Imam Nawawi : setengah daripada seelok barang yang mengadakan pada masa kami adalah bersedekah, kebajikan, menzahirkan perhiasan dan kesukaan setiap tahun pada hari peranakan Nabi (SAW) maka bahawa perbuatan yang seperti itu menunjukkan kasih sayang kepada Nabi (SAW) dan membesarkannya pada hati orang yang membuatnya dan syukur bagi Allah Ta'ala atas barang yang mengurniakan dengan

dia daripada mengadakan mauled Rasul (SAW) yang dibangkit sebagai pesuruhannya untuk memberi rahmat keseluruh alam. (Abu Syamah, 1997, 1/313).

Dalil-dalil dan pandangan-pandangan ulama yang dibawakan oleh Tuan Guru Haji Sulong menggambarkan pendirian beliau bahawa perayaan Maulid Nabi (SAW) adalah digalakkan. Ini kerana ia adalah termasuk dalam amalan yang baik atau *Bid'ah Hasanah*. Pandangan seperti ini selaras dengan pandangan Tuan Guru Haji Abd al-Qadir bin Haji Wangah, pondok Sela Budi, Sekam (Tak Yoh Dae Sekam) dalam karyannya, *Irsyad al-Jawiyiin ila Sabi li al- 'Ulama' al- 'Amilin*. Haji Abd al-Qadir menyebut: “perayaan Maulid Nabi adalah *Bid'ah Hasanah* sebagaimana beliau menjelas “Maka adalah itu-itu perkara ialah daripada *Bid'ah Hasanah* sepakat dengan buat pondok-pondok dan madrasah-madrasah masalan tetapi jika dibuatnya dengan niat membesarkan bulan yang diperanakan Rasulullah (SAW) padanya dan tidak digaulkan dengan permainan-permainan yang haram masalan atawa dengan tujuan-tujuan yang lain.” (Abdullqadir bin Haji Wangah, 1409, hlm: 11-12).

Selain itu, pandangan Tuan Guru Haji Sulong sesuai juga dengan pandangan seorang ulama terkemuka, Sayyid Awali al-Maliki yang mengatakan: peringatan Maulid adalah perkara yang dipandang bagus oleh para ulama dan kaum muslimin di semua negeri dan telah dilakukan di semua tempat. Oleh itu, ia dituntut oleh *Syara'*, berdasarkan kaedah yang diambil dari hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud, “Apa yang dipandang baik oleh kaum muslimin, ia pun baik di sisi Allah; dan apa yang dipandang buruk oleh kaum muslimin, ia juga buruk di sisi Allah. (Alawi al-Maliki al-Hasani, 1998, hlm: 5-22).

Pandangan Tuan Guru Haji Sulong adalah bertentangan dengan pandangan Sa'id bin Ali al-Qahthani mengatakan: Perayaan Maulid adalah *Bid'ah* yang dibuat-buat dalam agama. Di mana Allah tidak pernah menurunkan ajaran tentangnya. Sebab Nabi (SAW) tidak pernah mensyariatkan melalui sabdanya, perbuatannya, dan lqrarnya. (al-Qahthani, 1420, hlm: 52). Dan pandangan Taj al-Din al-Fakihani mengatakan: Saya tidak mengetahui dalil dari al-Qur'an dan Hadith tentang peringatan Maulid ini, dan tidak pula diceritakan riwayat tentang pelaksanaannya oleh salah satu ulama' di mana para ulama tersebut merupakan tuntunan dalam hal agama, yang senantiasa berpegang teguh pada warisan orang-orang terdahulu. Bahkan peringatan Maulid adalah *Bid'ah*. (al-Fakihani, 1409, hlm: 8). Begitu juga pandangan Ibnul Haj dari mazhab Maliki menyatakan: Maka wajib bagi kita pada hari Isnain tarikh 12 Rabi'ul awwal menambah ibadah dan kebaikan, sebagai ungkapan rasa syukur kepada Allah atas apa yang dianugerahkan kepada kita berupa nikmat-nikmat besar, terutama nikmat kelahiran Nabi Muhammad (SAW). (Ibn al-Haj al-Maliki, nd, 2/2).

## 7. Kesimpulan dan Cadangan

Maulid Nabi (SAW) adalah sebuah perayaan yang dilakukan bagi tujuan mengingati hari kelahiran Nabi Muhammad (SAW) sebagai bentuk pelaksanaan dan rasa cinta umat Islam kepada junjungan besar Nabi Muhammad(SAW). Tradisi ini banyak dilakukan oleh umat Islam di berbagai tempat seluruh dunia termasuk dalam masyarakat Muslim di selatan Thailand dan juga wilayah-wilayah Thailand yang lain.

Tuan Guru Haji Sulong al-Fatoni menolak pendapat golongan tertentu yang menolak amalan perayaan Maulid atas alasan perkara *Bid'ah* dikeji. Bagi Haji Sulong, beliau berpegang kepada landasan tahap *Bid'ah* itu kepada kategori *Bid'ah Hasanah*, maksudnya sunat dikerjakan. Untuk menguatkan pendapat tersebut, beliau memetikkan pendapat-pendapat ulama silam terkemuka seperti Shyeikh Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam as-Sayuthi, dan ulama-ulama lainnya. Semua pendapat ulama tersebut, beliau dilengkapi dengan petikan yang panjang di samping di tempat yang lain juga menyebut kitab-kitab yang menjadi rujukan utama. Cadangan kajian selanjutnya, pengkaji mencadangkan kajian perbandingan antara yang membolehkan dan yang tidak membolehkan dalam isu perayaan Maulid Nabi(SAW) ini. Selain itu, kajian selanjut baik dilakukan berkaitan dengan perbezaan pandangan serta hujah-hujah yang dibawa oleh Tuan Guru Haji Sulong dengan ulama-ulama Dunia Melayu yang lain terutamanya di Patani.



### Rujukan

- Ahmad Fathy al- Fatani. (1999). “Beberapa Catatan Tentang Tuan Minal.” *Pengasuh*. Bil. 557 Mac-Apr.
- al-Aajuri. (1999). *al-Syari‘ah.Dar al-Watan*. al-Riyadh.
- Abu Syamah. (1997). *I‘Anah al-Talibin*. Taba ‘:1.Dar al-Fikr.
- Abdullqadir bin Haji Wangah. (1409 H). *Risalah Irsyaduljawiyin ila sabiili al-Ulama’al-Amiliin*. Patani Saudara Press.
- Abu al-Hasanain al-Makki al-Hasyimi. (1996). *al-Ihtifal bi al-Maulid an-Nabawi: baina al-Mu‘ayyidin wa al-Mu‘aridhin*,. Waqfiyaah al-Amir Ghazi lil al-Fikri al-Qurani.
- al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari.al-Muhaqqiq Muhammad zahir*. Dar Tuq al-Najah.
- al-Baihaqi. (1424 H). *al-Sunan al-Kubra*. Dar al-Kutib al-‘Ilmiyyah Bayrut lubnan.Terbitan kali ke-3.
- al-Barzanji. (2008). *Maulid al-Barzanji*. al-Muhaqqid Bassam Muhammad Barud.Taba ‘:1. ‘Ala nafah.
- Ibn Kathir. (1998). *al-Bidayah al-Nihayah*. Dar al-Fikri.
- Ibn Khallikan. (nd). *Wafayat al- ‘Ayan wa abna’abna; al-zaman*. Tahqiq Ihsan Abbas.dar al-Sadir bayrut.
- Isnan Ansory. (2018). *Pro Kontra Maulid Nabi: Mencari Titik Kesepahaman*.Perpustakaan Nasional: Katalog Dalam Terbitan (KDT).
- Ibn al-Haj al-Maliki. (nd ). *al-Madkhal*. Dar al-Turath.
- Ibn Hibban. (1993). *Sahih Ibn Hubban*. Mu’asah al-Risah.Bayrut.Ibn Hajar al-Haythami. (nd).al-Fatawa al-Haditsiyyah.dar al-Fikri.
- Ibn al-Haj al-Maliki. (nd). *al-Madkhal*. Dar al-Turath.
- Muhammad Salih al- ‘Uthaimin. (1413 H). *Majmu‘ Fatawa wa rasa’il*. Jam‘ wa tartib Fahd bin Nasir.Taba;;1dar al-Watan.
- Muhammad Sulong. (1376 H). *Cahaya Islam Gugusan Maulid Sayyid al-Anam*. Pattani: Patani Saudara Press.
- Muslim. (nd). *Sahih Muslim*. Dar Ihya’ al-Turath al- ‘Arabi.Bayrut.
- Muhammad Husin bin Hasan al-Jizani. (1431 H). *Dirasah wa Tahqiq Qa‘idan al-Asl fi ‘Ibadah al-Man*. Dar Ibn al-Jawzi
- Muhammad K.Zaman. (1995). *Fatani 13 Ogos*. Kota Bharu: Tanpa Penerbit.
- Numan Hayimasae. (2004). “Haji Sulong Abdul Kadir: Perjuangan dan Sumbangan beliau kepada Mesyarakat Melayu Patani”, *Tesis MA*. Universiti Sains Malaysia.

- Nashir Moh. Al-Hanin. (2007). *Sejarah Peringatan Maulid Nabi Shallallahu'alaihi Wasallam, Penerjemah: Team Indonesia*. Murajaah: Abu Ziyad Maktab Dakwah Dan Bimbingan Jaliyat Rabwah.
- al-Syuti. (1985). *Husn al-Maqsad fi 'Amal al-Maulid*. Tahqiq Mustafa Abd al-Qadir 'Ata.Taba'1. Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah Bayrut Lubnan.
- Said bin Ali al-Qahthani. (1420 H). *Nur al-Sunnah wa Zhulumat al-Bid'ah fi Dha'i al-Kitab wa al-Sunnah*. Riyadh: Mu'assasah al-Juraisi.
- Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani. (1998). *Pandangan tentang hokum melakukan Maulid Nabi Sallallahu 'alaihiwwasallam*. Pustaka Muhammad Nasywan, penterjemah Azmin bin Yusuf.
- al-Suyuti. (2000). *al-Hawi li al-Fatawa*. Dar al-Kutub al-'Lmiyyah, Bayrut.
- Sayyid Muhammad bin Alawi Al-Maliki. (2009). *Mafahim Yajibu An-Tushahha*, hal. dar al-Kutub al- 'ilmiyyah. Bayrut Lubnan.
- Said bin Ali al-Qahthani. (1420 H). *Nur al-Sunnah wa Zhulumat al-Bid'ah fi Dha'i al-Kitab wa al-Sunnah*. Riyadh: Mu'assasah al-Juraisi.
- al-Sayyid Zain Aala al-Sumait. (nd). *Masail kathr Haulaha al-Niqasy wa al-Jidal*. Dar Ghar Hira' .Maktabah al-Takhasusiyyah li al-Radd 'Ala al-Wahabiyyah.
- al-Subki. (1991). *al-Asybah wa al-Naza'ir*. Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah
- Abdul Kadir bin Haji Wangah. (1409 H). *Risalah Irsyaduljawiyin ila sabiili al-Ulama'al-Amiliin*. Patani Saudara Press
- Tajuddin al-Fakihani. (1409 H). *al-Mawrid Fi Amalil Maulid.al-Muhaqiq 'ali bin Hasan*. Dar-al-'Asimah. al-Tab'ah 1.al-Riyadh
- Tajuddin al-Fakihani. (1409 H). *al-Mawrid Fi Amalil Maulid*. al-Muhaqiq 'ali bin Hasan.Dar-al-'Asimah. al-Tab'ah 1.al-Riyadh
- Hamud bin Abd Allah al-Matr. (1419 H). *al-Bida'al-Muhdathat wa ma la Asla lahu*. al-Riyadh .Dar Ibn Khuzaimah.Taba'2.al-jannah al-Dai' mah li al-Buhuth al- 'ilmiyyah dar al- ifta'.
- al-Hakim. (1990). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Daral-Kutb al-'Ilmiyyah Bayrut.
- al-Halabi. (1427 H). *Insan al-'Uyun fi Sirah al-Ma'mun*. Dar al-Kutib al- 'Ilmiyyah Bayrut Taba',2
- Wan Muhammad Shaghir Abdullah. (1991). *Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad al-Fatani*. Dakwah. Apr.
- Wan Muhammad Shaghir Abdullah. (1999). *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Islam*. Kuala Lumpur : Khazanah Fataniah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2010). Terbitan KhazanahFathaniyah Koleksi Ulama Nusantara,. (<http://turanisia.com/tuan-guru-haji-sulong-al-fathoni-bapak-perjuangan-patani/> .25/03/2020.11.21).